



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

BUKU PANDUAN DAN SYARAT PENGANUGERAHAN *SIJIL / DIPLOMA / IJAZAH*

INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



KEMAS KINI JANUARI 2024

MUKADIMAH

Buku Panduan dan Syarat Penganugerahan ini dikeluarkan setelah semakan semula dan penambahbaikan dibuat ke atas Panduan dan Syarat Penganugerahan Sijil/Diploma/Ijazah (kemas kini Ogos 2021-Semakan Januari 2022). Semakan semula dan penambahbaikan bertujuan memantapkan peraturan penganugerahan yang diguna pakai selaras dengan keperluan agensi jaminan kualiti, prosedur dan kod amalan yang telah ditetapkan oleh dasar dan Peraturan Institut-institut Pendidikan Guru. Buku ini merupakan dokumen panduan dan rujukan yang akan digunakan oleh pelajar dan pensyarah.

Buku Panduan dan Syarat Penganugerahan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Senat Institut-institut Pendidikan Guru Kali Ke-14 Tahun 2012 pada 27 September 2012 dan diluluskan penguatkuasaan pemakaianya dalam Mesyuarat Senat Institut-institut Pendidikan Guru Kali Ke-20 Tahun 2013 pada 30 Julai 2013 bagi pelajar program Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian bermula pada sesi akademik Jun 2019. Berikutnya beberapa perubahan pada dasar dan prosedur peperiksaan, Buku Panduan dan Syarat Penganugerahan ini telah dikemas kini pada Jun 2023.

PERANAN PENSYARAH

Pensyarah perlu menyempurnakan tanggungjawab berikut:

1. Memahami, menghayati dan mematuhi segala peraturan dan syarat yang digariskan dalam dokumen ini.
2. Mengambil tindakan yang sewajarnya bersesuaian dengan peraturan dan syarat penganugerahan yang digariskan iaitu:
 - a. menyempurnakan semua keperluan akademik seperti yang termaktub dalam kurikulum pengajian yang telah ditetapkan; dan
 - b. memastikan kehadiran pelajar 100% dalam kuliah, tutorial, kelas, praktikum, gerak kerja kokurikulum dan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang lain berhubung dengan kursus pengajiannya atau apa-apa aktiviti yang dijadualkan oleh IPG.
3. Mengambil tindakan proaktif untuk mendapatkan panduan dan nasihat daripada penyelaras program, ketua jabatan, timbalan pengarah, dan pengarah sekiranya mempunyai sebarang permasalahan akademik.
4. Mengambil akauntabiliti sepenuhnya terhadap sebarang kesan ketidakpatuhan dalam perkara yang telah ditetapkan dalam Buku Panduan dan Syarat Penganugerahan.

PERANAN PELAJAR

Pelajar perlu menyempurnakan tanggungjawab berikut:

1. Memahami, menghayati dan mematuhi segala peraturan dan syarat yang digariskan dalam dokumen ini.
2. Mengambil tindakan yang sewajarnya bersesuaian dengan peraturan dan syarat penganugerahan yang digariskan iaitu:
 - a. menyempurnakan semua keperluan akademik seperti yang termaktub dalam kurikulum pengajian yang ditetapkan; dan
 - b. kehadiran 100% dalam kuliah, tutorial, kelas, praktikum, gerak kerja kokurikulum dan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang lain berhubung dengan kursus pengajiannya atau apa-apa aktiviti yang dijadualkan oleh IPG.
3. Mengambil tindakan proaktif untuk mendapatkan panduan dan nasihat daripada pensyarah, mentor, penyelaras program, ketua jabatan, timbalan pengarah dan pengarah sekiranya mempunyai sebarang permasalahan akademik.
4. Mengambil akauntabiliti sepenuhnya terhadap sebarang kesan ketidakpatuhan dalam perkara yang telah ditetapkan dalam Buku Panduan dan Syarat Penganugerahan.

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Mukadimah	iii
Peranan Pensyarah	iv
Peranan Pelajar	v
Kandungan	vi
Singkatan	viii
1.0 TAFSIRAN	1
2.0 PENGENALAN	
2.1 Nama Dokumen	5
2.2 Tarikh Kuat Kuasa	5
2.3 Hak dan Tanggungjawab	5
3.0 SYARAT-SYARAT AM	
3.1 Syarat Kelayakan Menduduki Peperiksaan	6
3.2 Tidak Cukup Kehadiran	7
3.3 Kehadiran Semasa Peperiksaan	7
3.4 Menduduki Peperiksaan Secara Bersyarat	8
3.5 Tangguh Peperiksaan	9
3.6 Kelakuan Semasa Peperiksaan	9
3.7 Pelanggaran Arahan-arahan Peperiksaan	11
3.8 Larangan Terhadap Plagiarisme	11
4.0 SYARAT LULUS PENGAJIAN, PENGANUGERAHAN DAN TATACARA RAYUAN KEPUTUSAN	
4.1 Markah dan Sistem Gred	14
4.2 Pemindahan Kredit	15
4.3 Pengecualian Kursus	16
4.4 Syarat Lulus Kursus	16
4.5 Syarat Meneruskan Program Pengajian	17
4.6 Syarat Lulus Program Pengajian	17
4.7 Pentaksiran Ulangan	18
4.8 Peperiksaan Khas	19
4.9 Penggantungan Keputusan	19

4.10	Pembatalan Keputusan	19
4.11	Pemberhentian Program Pengajian	20
4.12	Tempoh Pengajian Program	20
4.13	Penganugerahan Pangkat	21
4.14	Penganugerahan Sijil/Diploma/Ijazah	23
4.15	Kawalan Pensijilan	25
4.16	Penggantian Sijil	25
4.17	Pengumuman Keputusan	26
4.18	Rayuan Terhadap Keputusan Peperiksaan	26
4.19	Semakan Semula Skrip Jawapan Peperiksaan	27
5.0	PENUTUP	27

LAMPIRAN

Lampiran 1

Pengakuan Pelajar

Lampiran 2

*Prosedur Kawalan Pensijilan Ijazah/Diploma/Sijil/Transkrip Gantian
(bagi pelajar mulai ambilan tahun 2011)*

Lampiran 3

*Prosedur Kawalan Pensijilan Surat Akuan Ijazah/Diploma/Sijil/Transkrip
(bagi pelajar sebelum ambilan tahun 2011)*

Lampiran 4

Prosedur Semakan Semula Skrip Jawapan Peperiksaan (SJP) Semester

Lampiran 5

Prosedur Semakan Semula Skrip Jawapan Peperiksaan (SJP) Semester Akhir

SINGKATAN

(U)	-	Ulangan
BHT	-	Berhenti
CEFR	-	<i>Common European Framework of Reference for Languages</i>
IPG	-	Institut Pendidikan Guru
IPGK	-	Institut Pendidikan Guru Kampus
IPGM	-	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JK	-	Jumlah Kredit
JKPPIP	-	Jawatankuasa Peperiksaan dan Penilaian IPG
JNG	-	Jumlah Nilai Gred
JNGK	-	Jumlah Nilai Gred Kumulatif
KDC	-	Kursus Dalam Cuti
MD	-	Meninggal Dunia
NK	-	Nilai Kredit
NG	-	Nilai Gred
PB	-	Pentaksiran Berterusan
PDH	-	Pindah
PDP	-	Program Diploma Perguruan
PDPP	-	Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan
PISMP	-	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PITO	-	Program Intervensi Tambah Opsyen
PNG	-	Purata Nilai Gred
PNGK	-	Purata Nilai Gred Kumulatif
PPISMP	-	Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan
TDMP	-	Tidak Dibenarkan Menduduki Peperiksaan
TGH	-	Tangguh
THB	-	Tidak Hadir Bersebab
THTS	-	Tidak Hadir Tanpa Sebab

1.0 TAFSIRAN

Dalam peraturan dan syarat ini, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain.

“Aegrotat” ertinya ijazah/diploma yang dianugerahkan kepada pelajar yang tidak dapat meneruskan pengajian kerana sakit atau hilang upaya kekal, dan memenuhi syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan oleh Senat.

“Anumerta” ertinya ijazah/diploma yang dianugerahkan kepada pelajar yang tidak dapat meneruskan pengajian kerana meninggal dunia, dan memenuhi syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan oleh Senat.

“Calon” ertinya pelajar yang akan menduduki peperiksaan di Institut Pendidikan Guru.

“Diploma” ertinya penganugerahan kepada pelajar yang memenuhi keperluan program peringkat diploma dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Institut setelah mendapat perakuan Senat.

“Elektif” ertinya sesuatu kursus pengajian, yang boleh dipilih oleh pelajar untuk menyokong program pengajiannya atau memenuhi minatnya.

“Gred” ertinya suatu nilai dalam bentuk abjad bagi menunjukkan prestasi pelajar dalam sesuatu kursus.

“Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian” ertinya penganugerahan kepada pelajar yang memenuhi keperluan program peringkat ijazah sarjana muda perguruan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Institut setelah mendapat perakuan Senat.

“Institut” ertinya Institut Pendidikan Guru Malaysia yang ditubuhkan dan disenggarakan di bawah Seksyen 45 Akta Pendidikan 1996.

“Institut Pendidikan Guru” ertinya Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) dibawah kelolaan Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.

“Jawatankuasa” ertinya sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah peraturan 11 (1) : Senat boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya patut untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya di bawah Peraturan-Peraturan ini.

“Jumlah Nilai Gred” ertinya jumlah nilai dalam bentuk angka bagi menunjukkan prestasi pelajar dalam sesuatu kursus.

“Kemahiran Insaniah” ertinya kemahiran generik yang perlu dipupuk dalam diri pelajar yang berkait dengan keusahawanan, kepemimpinan, komunikasi, pemikiran

kritis, keupayaan menyelesaikan masalah, inovatif, kreatif serta kerjasama berpasukan.

“Ketua Jabatan” ertinya seseorang yang mengetuai suatu jabatan di Institut.

“Ketua Pusat” ertinya seseorang yang mengetuai suatu pusat di Institut.

“Ketua Unit” ertinya seseorang yang mengetuai suatu unit di Institut.

“Kokurikulum” ertinya aktiviti bukan akademik yang memerlukan penyertaan wajib semua pelajar. Dasar ini diperkenalkan oleh Institut sebagai mekanisme mempertingkatkan interaksi sosial, kepemimpinan, rekreasi sihat, disiplin kendiri dan keyakinan diri.

“Kredit” ertinya ukuran kuantitatif melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu.

“Kurikulum Pengajian” ertinya komponen kursus yang ditetapkan oleh Institut, kursus program/latihan dan elektif.

“Kursus” ertinya mata pelajaran atau semua bentuk latihan yang tersenarai dalam program pengajian.

“Nilai Gred” ertinya suatu nilai dalam bentuk angka bagi menunjukkan prestasi pelajar dalam sesuatu kursus.

“Nilai kredit” ertinya hasil darab nilai gred dengan unit kredit:

$$\text{Nilai kredit} = (\text{Nilai Gred} \times \text{Unit Kredit})$$

“Pelajar” ertinya murid pendidikan guru yang berdaftar dengan IPG, Kementerian Pendidikan Malaysia.

“Penangguhan Pengajian” ertinya penangguhan yang diberikan kepada pelajar atas persetujuan Institut berdasarkan sebab-sebab tertentu.

“Pengarah” ertinya seseorang yang mengetuai suatu institut pendidikan guru.

“Penggantungan Pengajian” ertinya hukuman oleh pihak jawatankuasa tatatertib yang mengakibatkan pelajar tidak dibenarkan meneruskan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

“Pentaksiran” ertinya termasuk pengujian, pengukuran dan penilaian yang dijalankan sepanjang tempoh kursus pengajian dan program latihan atau sebahagian kursus pengajian dan program latihan.

“Pentaksiran Berterusan” ertinya segala bentuk tugas sumatif yang dirancang, dibina, ditadbir, diperiksa, dinilai, direkod dan dilapor dalam tempoh interaksi termasuk mata pelajaran umum dan amalan profesional.

“Pentaksiran Ulangan” ertinya menduduki semula pentaksiran asal bagi pelajar yang gagal.

“Penyelaras Program/Kursus” ertinya staf akademik yang dilantik oleh Ketua Pusat/Pengarah untuk menyelaras sesuatu program/kursus.

“Peperiksaan” ertinya ujian bertulis bagi sesuatu kursus yang dijalankan pada penghujung setiap semester.

“Peperiksaan khas” ertinya ujian bertulis bagi kursus yang diambil oleh pelajar yang tidak menduduki peperiksaan asal dengan kebenaran.

“Peperiksaan ulangan” ertinya ujian bertulis bagi pelajar yang gagal peperiksaan asal atau apa-apa keputusan yang diputuskan oleh JKPPIPG.

“Plagiarisme” ertinya peniruan hasil kerja dan/atau pendapat orang lain sama ada menerusi bahan bercetak atau elektronik tanpa mengiktiraf atau membuat pengakuan akan sumbernya.

“Praktikum” ertinya aktiviti pembelajaran luar kuliah yang ditetapkan oleh Institut untuk memenuhi salah satu syarat penganugerahan Sijil/Diploma/Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian bagi memberi pendedahan kepada pelajar dalam suasana sebenar alam pekerjaan.

“Program Pengajian” ertinya program akademik yang telah ditetapkan oleh Institut bagi penganugerahan Sijil/Diploma/Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian yang diiktiraf mengikut ketetapan Kementerian Pendidikan Malaysia.

“Purata Nilai Gred” ertinya sesuatu nilai pencapaian seseorang pelajar pada sesuatu semester yang dikira seperti berikut:

$$\text{PNG} = \frac{\text{Jumlah nilai kredit yang diperoleh dalam penilaian suatu semester}}{\text{Jumlah unit kredit yang didaftar dalam semester yang sama}}$$

“Purata Nilai Gred Kumulatif” ertinya purata nilai gred yang terkumpul bagi seseorang pelajar dalam semua peperiksaan yang telah diambil dan dikira seperti berikut:

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah nilai kredit yang diperoleh dalam penilaian di semua semester}}{\text{Jumlah nilai kredit yang diperoleh dalam penilaian di semester}}$$

“Rektor IPGM” ertinya Rektor yang dilantik di bawah subperaturan 5 (1) : Menteri hendaklah melantik seorang pegawai awam sebagai Rektor IPGM, yang hendaklah mengetuai Institut.

“Semester” ertinya sesi pengajian yang ditetapkan oleh Institut seperti yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

“Semester Khas” ertinya sesi pengajian tambahan bagi pelajar semester akhir.

“Senat” ertinya Senat Institut-institut Pendidikan Guru yang ditubuhkan di bawah Peraturan 6 : adalah badan akademik Institut dan institut pendidikan guru.

“Sijil” ertinya penganugerahan kepada pelajar yang memenuhi keperluan program peringkat sijil dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Institut setelah mendapat perakuan Senat.

“Skrol” ertinya dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Institut mengesahkan pengurniaan Sijil/Diploma/Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian .

“Slip Kelayakan Menduduki Peperiksaan” ertinya satu pernyataan yang menyenaraikan semua kursus yang telah terdaftar untuk membolehkan pelajar mengambil peperiksaan akhir/dinilai pada sesuatu semester.

“Slip Keputusan” ertinya pernyataan yang menyenaraikan maklumat terperinci keputusan penilaian bagi sesuatu semester.

“Struktur Program” ertinya komponen kurikulum dan tempoh pengajian yang mengandungi kursus-kursus yang ditetapkan untuk tujuan penganugerahan Sijil/Diploma/Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian .

“Tamat pengajian” ertinya status yang diberikan kepada pelajar setelah menyempurnakan dan lulus semua keperluan akademik serta memenuhi semua syarat yang ditetapkan oleh Institut.

“Tindakan tatatertib” ertinya hukuman yang dijatuhkan oleh pihak jawatankuasa tatatertib Institut ke atas pelajar yang melanggar kaedah-kaedah Institusi Pelajaran Tatatertib Pelajar- Pelajar dan Akta 174.

“Transkrip” ertinya pernyataan rasmi yang menyenaraikan maklumat terperinci keputusan penilaian terperinci sepanjang tempoh pengajian pelajar yang dikeluarkan oleh Institut.

“Ulang Kursus” ertinya mengulang kursus yang telah gagal.

2.0 PENGENALAN

Bagi menjalankan fungsi-fungsi yang dinyatakan dalam Perkara 7(a) dan 7(k), Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institut-Institut Pendidikan Guru) 2010. Senat hendaklah mempunyai fungsi berikut :

7 (a) merumuskan dasar, dan mengawal dan memberi arahan am yang berhubung dengan pentaksiran dan peperiksaan yang dikendalikan di Institut dan institut pendidikan guru;

7 (k) menganugerahkan sijil, diploma atau ijazah perguruan untuk mengiktiraf seorang Pelajar yang berjaya menamatkan kursus pengajian atau program latihan dengan memenuhi semua syarat yang ditentukan oleh Senat;

Bagi tujuan pemakaianya, dokumen ini dibaca bersama dengan dokumen lain untuk tujuan keselarasan. Dokumen tersebut ialah;

1. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institut-Institut Pendidikan Guru);
2. Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Pindaan Jun 2019);
3. Dokumen Perjanjian Pendidikan Guru yang berkenaan; dan
4. Surat Tawaran Mengikuti Program.

2.1 NAMA DOKUMEN

Dokumen ini dinamakan Buku Panduan dan Syarat Penganugerahan Sijil/Diploma/Ijazah Institut Pendidikan Guru. Dokumen ini terpakai bagi semua pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus, Kementerian Pendidikan Malaysia.

2.2 TARIKH KUAT KUASA

Dokumen ini dikuatkuasakan pada Jun 2023.

2.3 HAK DAN TANGGUNGJAWAB

Setiap IPG adalah bertanggungjawab memberi penerangan dan panduan mengenai syarat-syarat penganugerahan ini kepada pelajar tertakluk kepada bidang kuasa masing-masing dan peraturan-peraturan yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa.

3.0 SYARAT- SYARAT AM

3.1 SYARAT KELAYAKAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN

- 3.1.1 Jika seseorang pelajar dikehendaki menghadiri sesuatu kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain berhubung dengan kursus pengajiannya, pelajar tersebut hendaklah hadir melainkan jika mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah IPGK.
- 3.1.2 Kelayakan asas menduduki peperiksaan dipertimbangkan berdasarkan kepada syarat-syarat yang berikut:
- (a) berdaftar dengan IPG Kementerian Pendidikan Malaysia;
 - (b) telah menghadiri 100% kuliah, tutorial, kelas, praktikum, aktiviti kurikulum dan aktiviti pembelajaran yang lain berhubung dengan kursus pengajiannya atau apa-apa aktiviti yang dijadualkan oleh pihak IPG;
 - (c) melengkapkan, menyempurnakan dan menyerahkan tugas pentaksiran berterusan yang disyaratkan bagi kursus berkenaan;
 - (d) tidak dihalang daripada menduduki peperiksaan oleh jawatankuasa tatatertib IPG berdasarkan Perkara 48 (e) peruntukan Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib); dan
 - (e) telah melaksanakan hukuman yang dikenakan oleh jawatankuasa tatatertib IPG dan tidak digantung daripada menjadi pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan sebagai satu hukuman yang diputuskan oleh pihak jawatankuasa tatatertib IPG berdasarkan peruntukan Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib)

3.2 TIDAK CUKUP KEHADIRAN

- 3.2.1 Pelajar yang kehadirannya kurang daripada 100% dalam mana-mana kursus yang mengandungi **komponen peperiksaan** sepanjang semester pengajian tanpa sebab, tidak dibenarkan menduduki peperiksaan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengerusi JKPPIPG.
- 3.2.2 Pelajar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan jika tidak hadir tanpa sebab melebihi 20% daripada jumlah jam interaksi yang ditawarkan pada semester itu. Kes ini perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib untuk diambil tindakan.
- 3.2.3 Pelajar yang kehadirannya kurang daripada syarat yang ditetapkan dalam sesuatu kursus yang **tidak mempunyai komponen peperiksaan** dikehendaki melengkapkan jumlah jam interaksi.
- 3.2.4 Jika seseorang pelajar itu mempunyai **masalah kesihatan** dan tidak memenuhi syarat pada perkara 3.2.1;
 - (a) pelajar hendaklah mengemukakan Sijil Sakit / Surat Akuan pegawai perubatan; dan
 - (b) pelajar tidak layak untuk menduduki peperiksaan akhir dan boleh diberi status ulangan khas jika Sijil Sakit yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan melebihi 20% jam interaksi bagi sesuatu kursus dalam satu semester,
 - (c) pelajar dicadangkan menangguhkan pengajian sekiranya disahkan sakit berpanjangan oleh pegawai perubatan.
- 3.2.5 Keputusan Jawatankuasa Tatatertib **mesti** dibentangkan kepada JKPPIPG untuk tindakan selanjutnya.

3.3 KEHADIRAN SEMASA PEPERIKSAAN

- 3.3.1 Jika seseorang calon dibenarkan menduduki sesuatu peperiksaan dan tidak dihalang daripada menduduki peperiksaan itu, hendaklah dia menduduki peperiksaan itu, melainkan:
 - (a) mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah IPGK untuk tidak menduduki peperiksaan itu; atau

- (b) mempunyai alasan yang munasabah kerana tidak hadir, dan calon itu atau wakilnya, hendaklah memaklumkan sebab tidak hadir dengan kadar segera secara bertulis kepada Pengarah IPGK, dan mendapatkan kelulusan secara bertulis mengenainya; atau
 - (c) calon yang sakit hendaklah memaklumkan sendiri atau melalui wakilnya kepada Pengarah IPGK dan menyertakan sijil cuti sakit/surat akuan pegawai perubatan sebagai bukti; atau
 - (d) calon yang dihalang daripada menduduki peperiksaan sebagai satu hukuman yang diputuskan oleh Jawatankuasa Tatatertib IPG berdasarkan peruntukan Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib).
- 3.3.2 Bagi calon yang tidak menghadiri peperiksaan akhir atas alasan seperti perkara 3.3.1 (a) hingga (d), semua markah pentaksiran berterusan akan diambil kira.
- 3.3.3 Bagi calon yang tidak menghadiri peperiksaan akhir bukan atas perkara 3.3.1 (a) hingga (d), pelajar akan diberi Gred F dengan Nilai Mata 0.00 bagi kursus berkenaan. Calon dikira telah mengambil dan gagal kursus berkenaan.

3.4 MENDUDUKI PEPERIKSAAN SECARA BERSYARAT

- 3.4.1. Pelajar yang memenuhi syarat-syarat berikut dibenarkan menduduki peperiksaan secara bersyarat setelah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pengerusi JKPPIPG iaitu:
- (a) pelajar yang kesnya dirujuk kepada pihak jawatankuasa tatatertib institusi atau pejabat Rektor IPGM dan belum diputuskan; atau;
 - (b) pelajar yang mempunyai kes-kes lain yang timbul dan belum diputuskan oleh mana-mana pihak berkuasa.

3.5 TANGGUH PEPERIKSAAN

3.5.1 Pelajar yang terlibat dengan perkara-perkara berikut boleh ditangguhkan peperiksaannya:

- (a) menghadapi masalah kesihatan seperti kecederaan berpunca daripada kemalangan, bersalin dan wabak penyakit berjangkit (dengan mengemukakan surat akuan pegawai perubatan);
- (b) menyertai misi negara, negeri atau institut dengan kebenaran bertulis daripada Rektor IPGM/ Pengarah IPGK terlebih dahulu;
- (c) menghadapi bencana alam (dengan mengemukakan surat akuan pihak berkuasa tempatan); atau
- (d) menghadapi kecemasan seperti kematian keluarga terdekat sebelum peperiksaan dimulakan (dengan kemudiannya, mengemukakan apa-apa dokumen yang berkait dengan kecemasan tersebut; seperti sijil kematian dan seumpamanya).

3.5.2 Bagi semua perkara (a) hingga (d), pelajar dibenarkan menduduki peperiksaan khas.

3.6 KELAKUAN SEMASA PEPERIKSAAN

3.6.1 Semua calon hendaklah mematuhi arahan-arahan berikut:

- (a) dikehendaki hadir untuk menduduki peperiksaan pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan;
- (b) membawa kad pelajar, atau kad pengenalan, atau dokumen-dokumen lain yang disahkan, serta slip kelayakan menduduki peperiksaan. Kegagalan membawa dokumen tersebut boleh menyebabkan calon dihalang daripada memasuki dewan/bilik peperiksaan untuk menduduki peperiksaan kursus berkenaan kecuali mendapat kebenaran bertulis dari Ketua Unit Peperiksaan dan Penilaian untuk menduduki peperiksaan kursus berkenaan sahaja;
- (c) dilarang masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan sehingga diarahkan berbuat demikian;

- (d) calon yang lewat lebih daripada tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan dimulakan adalah dilarang masuk ke dewan/bilik peperiksaan dan seterusnya tidak boleh menduduki peperiksaan bagi kursus berkenaan. Calon dikira tidak hadir tanpa sebab (THTS) dan gagal kursus berkenaan;
- (e) calon yang lewat tetapi tidak melebihi tiga puluh (30) minit daripada waktu peperiksaan dimulakan akan dibenarkan menduduki peperiksaan tetapi waktu tamat peperiksaan bagi kursus tersebut adalah sama dengan calon yang lain; dan
- (f) dilarang meninggalkan dewan/bilik peperiksaan dalam tempoh tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan bermula dan lima belas (15) minit sebelum peperiksaan tamat. Dalam keadaan tertentu di mana calon perlu keluar dan masuk semula, kebenaran daripada Pengawas Peperiksaan adalah diperlukan dan calon hendaklah berada di bawah pengawasan.

3.6.2 Calon tidak boleh:

- (a) mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang boleh, semasa dia di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa, dan diberikan kuasa oleh Rektor IPGM;
- (b) menulis atau telah menulisnya melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangan atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badan, atau di atas pakaian;
- (c) berhubung dengan mana-mana calon lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau
- (d) menipu atau cuba menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.

- 3.6.3 Calon yang melanggar mana-mana Perkara 3.6.2 dibenar menduduki peperiksaan sehingga tamat dengan status “**MENDUDUKI PEPERIKSAAN SECARA BANTAHAN**”.
- 3.6.4 Dalam keadaan-keadaan tertentu, Pengarah IPGK atau/dan Ketua Unit Peperiksaan dan Penilaian boleh mengubah suai arahan-arahan am pada perkara 3.6.1 mengikut budi bicaranya.

3.7 PELANGGARAN ARAHAN-ARAHAN PEPERIKSAAN

- 3.7.1 Calon yang melanggar arahan-arahan peperiksaan juga boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti yang diperuntukan Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib)1976 (Pindaan Jun 2019) – Bahagian V (Tatacara Tatatertib).
- 3.7.2 Calon yang didapati melanggar mana-mana arahan-arahan peperiksaan pada perkara 3.6 boleh dikenakan tindakan seperti berikut:
- (a) amaran; atau
 - (b) dimansuhkan markah penilaian bagi kursus berkenaan dan diberikan Gred F dengan Nilai Gred 0.00.
- 3.7.3 Dalam keadaan tertentu, Pengerusi JKPPIPG boleh mengubah suai tindakan dalam Perkara 3.7.2 (a) atau (b) mengikut budi bicaranya.

3.8 LARANGAN TERHADAP PLAGIARISME

3.8.1 Plagiarisme merangkumi perbuatan- perbuatan berikut:

- (a) meniru/menyalin dan menyerahkan kerja/tugasan orang lain (termasuk buku, artikel, tesis, tugasan tidak diterbitkan, kertas kerja, seminar, konferensi, data penyelidikan, laporan dalaman, nota atau pita syarahan, muzik, kod sumber komputer, isi kandungan laman web, artifak kreatif dan visual, rekabentuk atau idea) tanpa penghargaan atau menyatakan sumbernya.
- (b) mengungkapkan semula ayat, perenggan atau tema yang maknanya sama, tanpa memberi penghargaan atau menyatakan sumbernya;
- (c) menterjemahkan kerja orang lain tanpa memberi penghargaan.

- (d) mengemukakan sesuatu kerja penghasilan orang lain (misalnya, membenarkan dan mengupah seseorang membuat sesuatu tugas yang kemudiannya diperakui sebagai miliknya sendiri termasuk menyerahkan keseluruhan atau sebahagian daripada tugas kepada orang lain. Contohnya, pelajar meminta orang lain menganalisis data, menulis analisis ataupun menjalankan projek yang sepatutnya dilakukan oleh mereka);
- (e) menyerahkan semula tugas sendiri yang telah dinilai atau diterbitkan tanpa membuat penghargaan sewajarnya (plagiat kendiri) atau mendapatkan kebenaran misalnya tugas/projek yang diserahkan untuk kursus lain dan tesis yang ditulis/diserahkan kepada institut pendidikan guru lain.
- (f) pemalsuan sumbangan individu dalam kalangan ahli-ahli yang berkolaborasi dalam projek berkumpulan; atau/dan
- (g) fabrikasi (mengada-adakan data) atau memanipulasi data (mengubah data) di dalam tugas yang diserahkan.
- (h) apa-apa perbuatan lain yang pada pendapat Jawatankuasa Tatatertib tergolong dalam perlakuan plagiarisme.

3.8.2 Tanpa menjelaskan keluasan perkara 3.8.1, seseorang pelajar memplagiat apabila dia:

- (a) menerbitkan, dengan dirinya sebagai pengarang, suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik atau buku yang pada keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh beberapa orang lain;
- (b) menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademiknya, atau buku, apabila dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis kepada ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku itu;
- (c) memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik bersama bagi projek penyelidikan tertentu atau dalam senarai penyelidik bersama bagi menerbitkan apabila dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya sebagai penyelidik bersama atau pengarang bersama;

- (d) memetik data akademik yang adalah hasil penyelidikan yang dijalankan oleh beberapa orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan, atau data yang diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan, sama ada diterbitkan atau tidak diterbitkan, dan menggabungkan data tersebut sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademiknya tanpa memberi pengiktirafan sewajarnya kepada sumber asal;
- (e) menggunakan data penyelidikan yang diperoleh melalui kerja usaha sama dengan beberapa orang lain, sama ada atau tidak dengan orang lain itu anggota kakitangan atau Pelajar Institut Pendidikan Guru sebahagian daripada penyelidikan akademik yang berbeza yang lain, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperoleh keizinan penyelidik bersamanya sebelum memulakan penyelidikan peribadinya atau sebelum menerbitkan data;
- (f) mentranskripsikan idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa juga bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa-apa juga bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaan itu;
- (g) menterjemah tulisan atau ciptaan orang lain daripada satu bahasa kepada bahasa lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian, dan kemudian mengemukakan terjemahan itu dalam apa-apa juga bentuk atau cara sebagai penulisannya atau ciptaannya sendiri; atau/dan
- (h) memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat beberapa pengubahsuaian tanpa rujukan sewajarnya kepada sumber asal dan menyusun semula idea itu dalam apa-apa cara yang seolah-olah dia ialah pencipta idea-idea itu.

- 3.8.3 Pelajar yang disyaki melakukan plagiarisme akan dibawa ke Jawatankuasa Tatatertib untuk tindakan selanjutnya seperti yang diperuntukkan dalam Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976.
- 3.8.4 Pelajar perlu merujuk Garis Panduan Pencegahan Plagiarisme Institut Pendidikan Guru yang sedang berkuat kuasa untuk mendapatkan perincian kaedah pengesahan plagiarisme dan lain-lain salah amal.

4.0 SYARAT LULUS PENGAJIAN, PENGANUGERAHAN DAN TATACARA RAYUAN KEPUTUSAN

4.1 MARKAH DAN SISTEM GRED

4.1.1 Prestasi pelajar dalam sesuatu kursus ditunjukkan oleh gred yang diperoleh.

4.1.2 Nilai Gred ditentukan berdasarkan skala markah dan gred abjad yang diperoleh.

4.1.3 Gred C (nilai gred 2.00) adalah gred minimum yang dikira lulus.

4.1.4 Markah, gred, nilai gred dan status keputusan adalah seperti jadual berikut.

SKALA	GRED	NILAI GRED	PANGKAT
90 - 100	A+	4.00	AMAT CEMERLANG
80 - 89	A	3.84	CEMERLANG
75 - 79	A-	3.67	CEMERLANG
70 - 74	B+	3.33	KEPUJIAN
65 - 69	B	3.00	KEPUJIAN
60 - 64	B-	2.67	KEPUJIAN
55 - 59	C+	2.33	LULUS
50 - 54	C	2.00	LULUS
40 - 49	C-	1.67	GAGAL
30 - 39	D+	1.33	GAGAL
20 - 29	D	1.00	GAGAL
10 - 19	E	0.67	GAGAL
00 - 09	F	0.00	GAGAL

KELAS	JULAT PNGK
PERTAMA	3.75 - 4.00
KEDUA ATAS	3.00 - 3.74
KEDUA BAWAH	2.00 - 2.99
GAGAL	0.00 - 1.99

Jadual 2 : Pengelasan Ijazah

Jadual 1 : Skala Pemarkahan dan Penggredan

4.2 PEMINDAHAN KREDIT

- 4.2.1 Pemindahan kredit adalah proses memindahkan kredit kursus yang telah diambil oleh pelajar dalam sesuatu program ke program lain yang membawa kepada penganugerahan kelayakan yang ditawarkan oleh institusi yang sama atau institusi yang berbeza. Proses ini membolehkan kredit bagi kursus tersebut dikira sebagai sebahagian daripada keperluan kredit bergraduat program tersebut. Pada asasnya, kursus yang boleh dipindahkan kredit adalah kursus yang setara dengan kursus dalam program yang membawa kepada penganugerahan kelayakan.
- 4.2.2 Pelajar yang telah mengambil dan lulus sesuatu kursus dalam sesuatu program pengajian, boleh memohon memindahkan kredit kursus tersebut ke program pengajian yang baru tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) kesetaraan kurikulum/silibus - kesetaraan kurikulum/silibus antara kursus yang hendak dipindahkan kredit dan kursus yang dibuat perbandingan hendaklah sekurang-sekurangnya 80%;
 - (b) gred lulus - pelajar perlu mencapai sekurang-kurangnya gred C bagi kursus tersebut;
 - (c) nilai kredit - kursus yang diberi pemindahan kredit mempunyai nilai kredit yang setara dengan kursus program yang akan diikuti.
 - (d) akreditasi - kursus yang diberi pemindahan kredit mestilah daripada program yang mendapat akreditasi. Bagi program yang diambil dari luar negara, program tersebut hendaklah dari program yang diiktiraf oleh pihak berkaitan di negara berkenaan; dan
 - (e) pindah kredit daripada diploma ke ijazah sarjana muda perguruan dibenarkan sehingga maksimum 30% (lebih kurang satu tahun pengajian) daripada jumlah kredit program yang akan diikuti.

4.3 PENGECUALIAN KURSUS

- 4.3.1 Pengecualian kursus ialah proses mengecualikan seorang pelajar daripada mengambil kursus dalam program yang diikuti atas sebab-sebab tertentu. Pengecualian ini tidak menyebabkan pelajar mendapat kredit bagi kursus yang dikecualikan. Oleh itu, pelajar perlu menggantikan kursus yang dikecualikan dengan kursus lain bagi mencukupkan keperluan kredit bergraduat.
- 4.3.2 Pengecualian kursus adalah dibenarkan dengan syarat-syarat seperti berikut:
- (a) Kursus yang ditambah mestilah daripada kursus yang sama tahap dengan program yang ditawarkan.
 - (b) Sekiranya program yang terlibat adalah program kerjasama, maka kursus yang ditambah boleh diambil sama ada daripada program-program yang ditawarkan oleh rakan kerjasama tersebut, atau daripada program-program kerjasama yang lain.
 - (c) Penambahan kursus kokurikulum juga dibenarkan.

4.4 SYARAT LULUS KURSUS

- 4.4.1 Seseorang pelajar dianggap lulus sesuatu kursus dalam sesuatu semester sekiranya;
- (a) mendapat markah minimum 50% (gred C) hasil gabungan semua tugas bagi kursus yang dinilai secara pentaksiran berterusan sahaja; dan
 - (b) mendapat markah minimum 50% (gred C) hasil gabungan pentaksiran berterusan dan peperiksaan bagi kursus yang dinilai secara pentaksiran berterusan dan peperiksaan;
- 4.4.2 Selain daripada 4.4.1 (a) dan (b), seseorang pelajar dianggap lulus bersyarat apabila berada dalam kedudukan gagal dan:
- (a) dibenarkan mengulang tugas pentaksiran berterusan / peperiksaan; dan
 - (b) akan diberikan kenaikan bersyarat ke semester/program seterusnya.

4.5 SYARAT MENERUSKAN PROGRAM PENGAJIAN

- 4.5.1 Seseorang pelajar dibenarkan meneruskan pengajian pada sesuatu semester atau peringkat pengajian, jika memenuhi semua syarat berikut:
- (a) lulus semua kursus yang telah didaftarkan sama ada dalam pentaksiran asal atau pentaksiran ulangan atau peperiksaan khas atau pentaksiran ulang kursus dengan mendapat sekurangnya Purata Nilai Gred Kumulatif 2.00; dan
 - (b) mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif tidak kurang daripada 2.00 sebelum peperiksaan ulangan;
- 4.5.2 Pelajar yang memenuhi syarat 4.5.1 tetapi belum menduduki pentaksiran ulangan atau peperiksaan khas atau sedang menunggu keputusan peperiksaan yang berkaitan, dibenarkan meneruskan pengajian ke semester atau program seterusnya secara kenaikan bersyarat.
- 4.5.3 Pelajar yang gagal pentaksiran ulangan bagi sesuatu kursus dibenarkan meneruskan pengajian secara kenaikan bersyarat.

4.6 SYARAT LULUS PROGRAM PENGAJIAN

- 4.6.1 Seseorang pelajar lulus pentaksiran bagi pengajiannya, jika memenuhi semua syarat berikut:
- (a) menyempurnakan dan lulus semua kursus yang ditetapkan mengikut struktur program yang disyaratkan;
 - (b) mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif tidak kurang daripada 2.00;
 - (c) melengkapkan jumlah kredit yang ditetapkan seperti yang terkandung dalam struktur program yang diikuti;
 - (d) mencapai tahap penguasaan minimum C1 berdasarkan piawaian CEFR bagi pelajar PISMP (bidang TESL sahaja) mulai ambilan Jun 2019; dan
 - (e) keputusannya telah disahkan oleh Senat.

4.7 PENTAKSIRAN ULANGAN

- 4.7.1 Pelajar yang gagal pentaksiran bagi sesuatu kursus dibenarkan menduduki pentaksiran ulangan pada tarikh yang ditetapkan oleh IPG.
- 4.7.2 Pelajar yang gagal dibenarkan mengulang komponen (peperiksaan atau pentaksiran berterusan) yang gagal sahaja.
- 4.7.3 Pelajar yang gagal dibenarkan mengulang sekali sahaja bagi setiap komponen yang gagal.
- 4.7.4 Bagi pentaksiran berterusan yang mempunyai tugas yang pelbagai, pelajar perlu mengulang tugas yang gagal atau yang setara dengan tugas tersebut sahaja.
- 4.7.5 Pelajar yang gagal ulangan dibenarkan **Ulang Kursus** tersebut di semester lain tertakluk kepada tempoh maksimum sesuatu program pengajian .
- 4.7.6 **Ulang Kursus** dibenarkan sekali sahaja bagi sesuatu kursus yang sama sepanjang tempoh pengajian.
- 4.7.7 Gred lulus bagi pentaksiran ulangan selepas digabungkan skor peperiksaan dan skor pentaksiran berterusan ialah gred C(U).
- 4.7.8 Gred gagal bagi pentaksiran ulangan selepas digabungkan skor peperiksaan dan skor pentaksiran berterusan adalah berdasarkan gred C- hingga F.
- 4.7.9 Gred lulus bagi **Ulang Kursus** ialah berdasarkan gred C hingga A+.
- 4.7.10 Pelajar yang gagal pada **semester akhir** dibenarkan mengulang kursus pada **Semester Khas** (Tidak boleh mengulang kursus semasa menjalani praktikum).
- 4.7.11 Pelajar tidak dibenarkan mengulang kursus bagi tujuan membaiki gred asal.
- 4.7.12 Pelajar yang gagal dalam pentaksiran Ulang Kursus tidak dibenarkan untuk meneruskan program pengajian dan status pengajian bergantung kepada keputusan Senat.
- 4.7.13 Bagi kursus yang mempunyai prasyarat lulus adalah tertakluk kepada garis panduan dan syarat kursus tersebut (contoh: Praktikum tertakluk kepada Garis Panduan Amalan Profesional).

4.8 PEPERIKSAAN KHAS

4.8.1 Pelajar yang tidak menduduki peperiksaan asal bagi sesuatu kursus dengan kebenaran JKPPIPG dibenarkan menduduki peperiksaan khas.

4.8.2 Nilai gred peperiksaan khas adalah sama seperti peperiksaan asal.

4.9 PENGGANTUNGAN KEPUTUSAN

4.9.1 Keputusan pentaksiran seseorang pelajar boleh digantung, jika mempunyai kes yang belum selesai dengan:

- (a) pihak jawatankuasa tatatertib IPG;
- (b) mana-mana mahkamah, dan
- (c) Jabatan Pendaftaran Negara mengenai status kewarganegaraannya.

4.10 PEMBATALAN KEPUTUSAN

4.10.1 Keputusan pentaksiran seseorang pelajar boleh dibatalkan jika sekiranya disabitkan dengan mana-mana kes seperti berikut:

- (a) melakukan penyelewengan dalam melaksanakan pentaksiran.
- (b) melakukan plagiat dalam melaksanakan pentaksiran.
- (c) melakukan penipuan tentang status kewarganegaraan; atau
- (d) melakukan penipuan dalam syarat kelayakan memasuki IPG.

4.11 PEMBERHENTIAN PROGRAM PENGAJIAN

4.11.1 Pelajar akan diberhentikan daripada meneruskan program pengajian apabila:

- (a) mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif kurang daripada 2.00;
- (b) dikenakan hukuman “pembuangan daripada institusi” oleh pihak jawatankuasa tatatertib institusi;

- (c) tidak dibenarkan mengulang semester pengajian; dan
- (d) gagal ulang kursus.

4.12 TEMPOH PENGAJIAN PROGRAM

4.12.1 Penganugerahan diberi jika tempoh pengajian pelajar tidak melebihi tempoh maksimum yang ditetapkan bagi program berkenaan. Tempoh maksimum mengikut program adalah seperti berikut:

Program	Tempoh maksimum*
Program Intervensi Tambah Opsyen (3 semester)	6 semester
Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (3 semester)	6 semester
Program Diploma Pascasiswa Zahah Pendidikan (3 semester)	6 semester
Program Diploma Perguruan (6 semester)	9 semester
Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (12 semester)	15 semester

* bilangan semester tertakluk kepada tahun ambilan dan perubahan semasa

Jadual 3 : Tempoh Pengajian Program

4.13 PENGANUGERAHAN PANGKAT

4.13.1 Sijil Tamat Program

Kriteria penganugerahan lulusan Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan adalah seperti Jadual 4 di bawah ini:

Pangkat	PNGK
Lulus	2.00 – 4.00
Gagal	0.00 – 1.99

Jadual 4: Kriteria Pangkat Sijil Tamat Program

4.13.2 Sijil Siswazah Lanjutan

Kriteria penganugerahan lulusan Program Intervensi Tambah Opsyen adalah seperti Jadual 5 di bawah ini:

Pangkat	PNGK
Lulus	2.00 – 4.00
Gagal	0.00 – 1.99

Jadual 5: Kriteria Pangkat Sijil Siswazah Lanjutan

4.13.3 Diploma Perguruan

Kriteria penganugerahan lulusan Program Diploma Perguruan adalah seperti Jadual 6 di bawah ini:

Pangkat	PNGK	Praktikum (Gred minimum)	Kokurikulum (Gred minimum)
Cemerlang	3.75 – 4.00	A	A
Kepujian	3.25 – 3.74	B+	B+
Lulus	2.00 – 3.24	C	C
Tidak layak dianugerahkan Diploma	0.00 – 1.99	-	-

Jadual 6: Kriteria Pangkat Diploma Perguruan

4.13.4 Diploma Pascasiswazah Pendidikan

Kriteria penganugerahan kepada lulusan Diploma Pascasiswazah Pendidikan adalah seperti Jadual 7 di bawah ini:

Pangkat	PNGK	Praktikum (Gred minimum)	Kokurikulum (Gred minimum)
Cemerlang	3.75 – 4.00	A	A
Kepujian	3.25 – 3.74	B+	B+
Lulus	2.00 – 3.24	C	C
Tidak layak dianugerahkan Diploma	0.00 – 1.99	-	-

Jadual 7 : Kriteria Pangkat Diploma Pascasiswazah Pendidikan

4.13.5 Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian

Keputusan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian hanya akan menyatakan PNGK yang dicapainya, seperti Jadual 8 di bawah :

KELAS	JULAT PNGK
PERTAMA	3.75 - 4.00
KEDUA ATAS	3.00 - 3.74
KEDUA BAWAH	2.00 - 2.99
GAGAL	0.00 - 1.99

Jadual 8: Jadual Pengelasan Ijazah

4.14 PENGANUGERAHAN SIJIL/DIPLOMA/IJAZAH

4.14.1 Pelajar yang telah memenuhi semua syarat dan keperluan Institut berdasarkan keperluan kredit dan komponen kursus yang telah ditetapkan dengan PNGK 2.00 ke atas layak dianugerahkan sijil/diploma/ijazah tertakluk kepada pengesahan Senat sebagaimana yang diperuntukan dalam seksyen 130, Akta Pendidikan [Akta 550]. Iaitu:

- (a) Sijil Tamat Program;
(Certificate of Completion)
- (b) Sijil Siswazah Lanjutan;
(Advanced Graduate Certificate)
- (c) Diploma Perguruan;
(Diploma of Teaching)
- (c) Diploma Pascasiswazah Pendidikan; dan
(Postgraduate Diploma in Education)
- (d) Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian
(Bachelor of Teaching with Honours)

- 4.14.2 Senat berhak menarik balik sijil/diploma/ijazah yang telah dianugerahkan kepada seseorang lulusan IPG, jika lulusan tersebut kemudiannya didapati mengemukakan dokumen kelayakan palsu semasa memasuki IPG.
- 4.14.3 Penganugerahan secara Anumerta diberikan kepada pelajar yang meninggal dunia semasa pengajian dan memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
- (a) bebas daripada tindakan tatatertib;
 - (b) meninggal dunia sebelum menduduki peperiksaan semester terakhir ATAU sebelum keputusan semester terakhir disahkan Senat;
 - (c) telah menyempurnakan sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah kredit keseluruhan untuk bergraduat; dan
 - (d) Purata Nilai Gred Kumulatif mestilah sekurang-kurangnya 3.00 (Kelas Kedua Atas).
- 4.14.4 Penganugerahan secara Aegrotat diberikan kepada pelajar yang tidak dapat meneruskan pengajian kerana sakit atau hilang upaya kekal pelajar dan memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
- (a) telah disahkan oleh pegawai perubatan bahawa pelajar tidak mempunyai harapan untuk sembuh dan tidak mampu meneruskan pengajian;
 - (b) telah tamat tempoh penangguhan (jika menangguhkan pengajian);
 - (c) telah menyempurnakan sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah kredit keseluruhan untuk bergraduat; dan
 - (d) Purata Nilai Gred Kumulatif mestilah sekurang-kurangnya 3.00 (Kelas Kedua Atas).
- 4.14.5 Penganugerahan secara Anumerta dan Aegrotat hendaklah dicadangkan oleh Pengarah IPGK terakhir pelajar mengikuti pengajian sebelum dibawa untuk perakuan Senat. Penganugerahan mestilah disempurnakan dalam Istiadat Konvokesyen IPG KPM.

4.15 KAWALAN PENSIJILAN

- 4.15.1 Setiap lembaran sijil/diploma/ijazah hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Senat.
- 4.15.2 Setiap transkrip akademik hanya dikeluarkan oleh IPGM dan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Senat.
- 4.15.3 Lembaran asal sijil/diploma/ijazah akan diberikan sekali sahaja.

4.16 PENGGANTIAN SIJIL

- 4.16.1 Pihak IPGM hanya menggantikan sijil/diploma/ijazah/transkrip asal yang rosak, hilang atau musnah bagi pelajar **mulai ambilan tahun 2011**. Catatan “gantian” akan dicetak pada sijil/diploma/ijazah/transkrip gantian.
- 4.16.2 Permohonan rasmi perlu dikemukakan kepada Pengarah IPGK masing-masing berserta laporan polis.
- 4.16.3 Kadar bayaran denda* bagi penggantian **setiap helaian** masing-masing sebanyak RM100 bagi sijil/diploma/ijazah dan RM20 bagi transkrip.
- 4.16.4 Bayaran denda perlu dijelaskan di IPGK masing-masing melalui Akaun Amanah Institut Pendidikan Guru (IPG).
- 4.16.5 Pihak IPGM hanya mengeluarkan surat akuan bagi menggantikan sijil/diploma/ijazah/transkrip asal yang rosak, hilang atau musnah bagi pelajar **sebelum ambilan tahun 2011**. Permohonan rasmi perlu dikemukakan kepada Rektor IPGM berserta laporan polis melalui Pengarah IPGK masing-masing.
- 4.16.6 Permohonan untuk mendapatkan terjemahan sijil/diploma/ijazah /transkrip dalam Bahasa Inggeris perlu mendapat kelulusan Rektor IPGM.
- 4.16.7 Sijil gantian /surat akuan dan terjemahan sijil/diploma/ijazah/transkrip akan ditandatangani oleh Rektor IPGM.

**13.7 denda-denda yang dikenakan ke atas pelajar seperti denda lalu lintas/ tempat letak kenderaan, denda kesalahan tatatertib (kesalahan bagi Kaedah 6, 21, 22, 23, 25), denda yang dikenakan tindakan di bawah Akta 174 (Kaedah 48 (b)) dan denda kehilangan transkrip/sijil; - Akta Tatacara Kewangan 1957 Penubuhan dan Arahan Akaun Amanah di bawah Seksyen 9 Akaun Amanah Institut Pendidikan Guru (IPG) Kementerian Pendidikan Malaysia.*

4.17 PENGUMUMAN KEPUTUSAN

- 4.17.1 Tarikh rasmi bagi keputusan peperiksaan semester diputuskan oleh JKPPIPG mengikut bidang kuasa yang telah ditetapkan.
- 4.17.2 Tarikh rasmi bagi keputusan peperiksaan akhir ditentukan oleh Senat mengikut bidang kuasa yang telah ditetapkan.
- 4.17.3 Keputusan peperiksaan calon yang menduduki peperiksaan secara bantahan akan ditangguhkan sehingga kesnya selesai. Jika kesnya belum juga selesai pada tarikh bermulanya semester pengajian berikutnya, kursusnya akan ditangguhkan jika program tersebut membenarkan penangguhan, dan tidak melebihi tempoh maksimum yang telah ditetapkan bagi program tersebut.
- 4.17.4 Jika perkara 4.17.3 tidak dapat dipenuhi, maka calon akan diberhentikan daripada meneruskan program tersebut.

4.18 RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

- 4.18.1 Pelajar dibenarkan membuat rayuan terhadap keputusan peperiksaan
 - (a) Bagi keputusan semester, keputusan rayuan diputuskan oleh JKPPIPG/panel yang dilantik;
 - (b) Bagi keputusan akhir dan ulang kursus, keputusan rayuan diputuskan oleh Senat.
- 4.18.2 Bagi Perkara 4.18.1 (b), rayuan hendaklah dikemukakan kepada Senat melalui Pengarah IPGK berkenaan.
- 4.18.3 Rayuan tersebut hendaklah dikemukakan dalam tempoh seperti berikut:
 - (a) Bagi keputusan semester, **empat belas (14) hari** daripada tarikh rasmi keputusan diumumkan.
 - (b) Bagi keputusan akhir, **tiga puluh (30) hari** daripada tarikh rasmi keputusan diumumkan.
- 4.18.4 Bayaran akan dikenakan kepada setiap permohonan rayuan*. Kadar bayaran untuk semakan keputusan peperiksaan adalah sebanyak RM50 bagi setiap kursus.

4.18.5 Bayaran perlu dijelaskan di IPG masing-masing melalui Akaun Amanah Institut Pendidikan Guru (IPG).

4.18.6 Keputusan rayuan adalah muktamad.

4.19 SEMAKAN SEMULA SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN

4.19.1 Pelajar yang ingin membuat penyemakan semula skrip jawapan peperiksaan sesuatu kursus peringkat semester hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Pengarah IPGK masing-masing dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh keputusan rasmi diumumkan. (Lampiran 4)

4.19.2 Pelajar yang ingin membuat penyemakan semula skrip jawapan peperiksaan sesuatu kursus semester akhir hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Rektor IPGM melalui Pengarah IPGK masing-masing dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh keputusan rasmi diumumkan. (Lampiran 5)

4.19.3 Keputusan semakan semula akan dimaklumkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh permohonan ditutup.

4.19.4 Bayaran akan dikenakan kepada setiap permohonan semakan semula skrip jawapan*. Kadar bayaran untuk semakan adalah sebanyak RM50 bagi setiap kursus.

4.19.5 Bayaran perlu dijelaskan di IPG masing-masing melalui Akaun Amanah Institut Pendidikan Guru (IPG).

4.19.6 Keputusan semakan semula skrip jawapan peperiksaan adalah muktamad.

5.0 PENUTUP

Senat berhak meminda, menambah atau memansuhkan mana-mana peruntukan dalam panduan dan syarat ini mengikut keperluan dari semasa ke semasa.



LAMPIRAN 1

PENGAKUAN PELAJAR

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

IPGK : _____

Program : _____

Ambilan : _____

Pengkhususan : _____

Dengan ini saya mengaku bahawa telah :

- i) membaca Buku Panduan dan Syarat Penganugerahan Sijil/Diploma/Ijazah Institut Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia (kemas kini Januari 2024); dan
- ii) memahami serta menyedari implikasinya.

Tandatangan Pelajar : _____

Di hadapan Saksi*

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Jawatan : _____


Tarikh : _____

*Timbalan Pengarah/Ketua Jabatan/Pensyarah Mentor

LAMPIRAN 2


PROSEDUR KAWALAN PENSIJILAN IJAZAH/DIPLOMA/SIJIL/TRANSKRIP GANTIAN (bagi pelajar mulai ambilan tahun 2011)

CARTA ALIR



**PROSEDUR KAWALAN PENSIJILAN
SURAT AKUAN
IJAZAH/DIPLOMA/SIJIL/TRANSKRIP
(bagi pelajar sebelum ambilan tahun 2011)**


CARTA ALIR



LAMPIRAN 4

PROSEDUR SEMAKAN SEMULA SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN (SJP) SEMESTER


CARTA ALIR



LAMPIRAN 5

PROSEDUR SEMAKAN SEMULA SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN (SJP) SEMESTER AKHIR

CARTA ALIR



PANEL PEMURNI

<i>Penasihat</i>	: <i>Dr. Mohd. Azam bin Ahmad</i>	<i>Rektor IPGM</i>
<i>Pengerusi</i>	: <i>Dr. Ismail bin Mohamed</i>	<i>Timbalan Rektor PPP</i>
<i>Naib Pengerusi</i>	: <i>Zulkifli bin Mat Som</i>	<i>KPPK PPP</i>
<i>Ketua Penyelaras</i>	: <i>Salmi binti Ayob</i>	<i>KPP PPP</i>
<i>Penolong Penyelaras</i>	: <i>Mazliza binti Mohamad Khayati binti Rafiee@Rani</i>	<i>PP PPP PP PPP</i>
<i>Panel</i>	<i>Salmi binti Ayob Mohd Zakhiry bin Ab. Rahman Mazliza binti Mohamad Khayati binti Rafiee@Rani Mohamad Arsyad bin Mohamad Hussin Salmah binti Salleh Nazjedah binti Mahmud Abdul Rauf bin Ibrahim Nong Azman bin Nong Chek Sukiman bin Saad Nor Ismadee bin Ismail Mohd Rofi bin Mohd Soud Norhafizah binti Sapuan Muhamad Firdaus bin Mohamad</i>	<i>KPP PPP KPP PPP PP PPP PP PPP PP PPP PP PPP PP PPP KUPP IPGKPM KUPP IPGKIK KUPP IPGKRM KUPP IPGKTHO KUPP IPGKTI KUPP IPGKBA KUPP IPGKBM JAPIM IPGKI</i>



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

ARAS 1-3, BLOK 2250
JALAN USAHAWAN 1
63000 CYBERJAYA

TEL : **03-8312 6666**
FAKS : **03-8312 6631**

<http://ipgm.moe.edu.my/>

